



**PEKELILING PEJABAT KEWANGAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BILANGAN 1 TAHUN 2022**

Semua Pegawai Pengawal
Negeri Sembilan Darul Khusus

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN
ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2023**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pegawai Pengawal Jabatan Negeri Sembilan bagi penyediaan perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2023.

DASAR DAN STRATEGI BELANJAWAN TAHUN 2023

2. Kerajaan Negeri masih terus menasarkankan Belanjawan Tahun 2023 adalah belanjawan defisit tanpa menjejaskan matlamat pembangunan negeri. Bagi memastikan kedudukan kewangan negeri sentiasa kukuh walaupun berhadapan dengan cabaran ekonomi dan pasaran kewangan global yang tidak menentu, Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2023 hendaklah memberi tumpuan kepada program, projek dan aktiviti yang menyumbang kepada pengukuhan asas-asas ekonomi dan pembangunan yang mantap di samping memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.

3. Bertepatan dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk terus memperkasa ekonomi rakyat, Anggaran Belanjawan Tahun 2023 hendaklah memberi fokus kepada perbelanjaan yang memberi impak secara langsung kepada rakyat setempat dan mendatangkan *outcome* positif. Sebagai perancangan awal, pentadbiran ini telah menetapkan dasar Belanjawan Tahun 2023 seperti berikut:

- i. memperkukuh pengurusan kewangan negeri melalui pelaksanaan penuh Strategi dan Pelan Tindakan dalam Belanjawan Tahun 2023;
- ii. menambahbaik sistem dan prosedur kerja melalui penggunaan aplikasi digital dan teknologi maklumat;
- iii. memperkukuhkan Jabatan Pemungut Hasil melalui peningkatan latihan sumber manusia;
- iv. meningkatkan penguatkuasaan dan pemutihan terhadap semua program / aktiviti berkaitan tanah;
- v. menguatkuasa peraturan dan undang-undang dalam sektor yang akan meningkatkan hasil negeri dengan lebih ketat tanpa membelakangkan nilai-nilai murni;
- vi. menjadikan saiz perkhidmatan awam negeri lebih optimum melalui pelaksanaan kaedah *multitasking* dalam kalangan pegawai awam negeri;

- vii. mengelak dan mengurangkan risiko ketidakakuran dan salah guna kuasa melalui pelaksanaan pusingan kerja (*job rotation*) seluruh negeri;
- viii. menyusun dan memberi tumpuan kepada sektor ekonomi yang boleh menjadi penyumbang utama secara mampan dalam hasil Negeri;
- ix. merancang program pembangunan ekonomi dan infrastruktur secara seimbang berpandukan kepada Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045;
- x. meneruskan program sosial dan sumbang bakti kepada rakyat melalui pengenalan program / aktiviti baharu berbentuk bantuan modal perniagaan, kursus kemahiran dan khidmat sosial; dan
- xi. menjadikan sektor swasta negeri sebagai rakan utama pembangunan ekonomi Negeri dalam memacu pertumbuhan dan pembangunan Negeri;

4. Jabatan hendaklah memastikan semua program / aktiviti baharu / sedia ada disemak semula dari segi sumbangan terhadap pencapaian objektif / outcome / tujuan penubuhan (*purpose in life*) kesesuaian dalam membantu menyelesaikan masalah rakyat, menjaga kelestarian alam sekitar yang mana bersesuaian atau memenuhi keperluan pihak berkepentingan lain selain memastikan program / aktiviti yang dijalankan adalah berada di bawah bidang kuasa jabatan/ agensi masing-masing serta selari dengan aspirasi dan hala tuju pentadbiran Kerajaan Negeri.

5. Sehubungan itu, kerangka penyediaan Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2023 hendaklah memberi tumpuan kepada *core business* dan sumbangan Jabatan kepada keutamaan Negeri dengan memberi perhatian kepada perkara seperti berikut:

5.1 Menambah Baik Prosedur Kerja

Kerajaan Negeri amat menitik beratkan kepada kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam terutama dalam proses pembuatan keputusan. Sehubungan itu amalan *business as usual* dan *complacent* tidak lagi boleh diamalkan. Oleh itu, setiap Jabatan hendaklah meneliti dan menambah baik prosedur kerja sedia ada bagi mengurangkan proses birokrasi atau *red tape* yang tidak diperlukan. Ketua Jabatan hendaklah memainkan peranan yang lebih dinamik, kreatif dan berupaya mencabar *status quo* bagi mewujudkan prosedur kerja yang lebih kreatif dan efisien.

5.2 **Penyelarasan Bersepadu Antara Agensi**

Setiap Jabatan / Agensi hendaklah mula bertindak sebagai sebuah pasukan yang saling melengkapi antara satu sama lain terutamanya perkara yang melibatkan dasar dan polisi Pentadbiran Kerajaan Negeri. Tindakan dan maklum balas yang dinyatakan hendaklah menuju ke arah konsep saling memperkukuh dan menyokong (*complement*) bagi memastikan Pentadbiran Kerajaan Negeri bergerak ke arah hala tuju yang sama dan rakyat mendapat maklumat yang senada serta perkhidmatan yang terbaik. Tindakan bersepadu dan penyelarasan antara Jabatan / Agensi boleh menjamin kesan yang lebih besar dan impak yang lebih signifikan kepada rakyat. Bagi mencapai hasrat dan sasaran ini, Jabatan / Agensi hendaklah bersama-sama menentukan *Key Result Area* yang hendak dicapai secara bersama, sama ada melalui perkongsian pelan pembangunan dan objektif pelaksanaan mahupun pemilihan serta penentuan kumpulan sasaran secara bersama.

5.3 **Semakan Semula Perjawatan dan Fungsi Utama Jabatan**

Bagi memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan Kerajaan Negeri digunakan secara optimum, penelitian dan semakan semula perlu dilaksanakan terhadap bilangan perjawatan dan pengisian, *core business* dan fungsi utama Jabatan. Ini juga selaras dengan kaedah kawalan saiz perkhidmatan awam yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan hendaklah disesuaikan dengan situasi dan kesediaan Jabatan / Agensi negeri. Peranan dan fungsi bahagian yang bertindih, tidak relevan dan skop yang kecil hendaklah dicadang untuk digabungkan, ditutup atau dimansuhkan. Manakala perjawatan sedia ada hendaklah diagihkan semula kepada bahagian/cawangan/unit dengan fungsi baharu yang lebih meluas atau lebih memerlukan.

5.4 **Semakan Semula Penyampaian Perkhidmatan dan Program**

Kaedah pelaksanaan penyampaian perkhidmatan dan program sedia ada Jabatan hendaklah disemak semula dari aspek keberkesanan dan tahap kebolehpapaian kumpulan sasaran dengan mengambil kira sama ada strategi tersebut boleh ditambah baik atau digantikan dengan strategi baharu yang lebih relevan. Bagi menggalakkan kefahaman dan penggunaan alat pengukuran dan pengurusan dengan lebih berkesan, Jabatan hendaklah melaksanakan kajian impak dan perbandingan serta jangkaan outcome terhadap fungsi dan strategi baharu dengan yang sedia ada. Manakala keperluan penambahan bilangan perjawatan hendaklah dilaksanakan melalui pelan penggantian (*trade-off*) dengan program sedia ada.

5.5 Semakan Semula Program dan Aktiviti Jabatan

Program dan aktiviti sedia ada Jabatan perlu disemak semula dalam aspek keberkesanan pelaksanaan, pencapaian objektif, tujuan dan kumpulan sasar, *core business* Jabatan serta visi/misi penubuhan Jabatan. Sebagai contoh program dan aktiviti seperti Hari Bersama Pelanggan, Turun Padang dan Kutipan Luar hendaklah disertakan justifikasi untuk dikekalkan atau digantikan dengan kaedah yang lebih menjimatkan tetapi memberi pulangan yang lebih tinggi atau *value for money*. Walau bagaimanapun Jabatan diberi kuasa dan kebenaran untuk meneruskan/melaksanakan sebarang program atau aktiviti yang diyakini boleh memberi impak dan *outcome* yang baik terhadap identiti dan imej pentadbiran Negeri. Perancangan dan pelaksanaan program/aktiviti sedia ada atau baharu hendaklah dilaporkan kepada Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri dan Yang Berhormat (YB) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) di bawah portfolio masing-masing bagi maksud pengesahan dan makluman bersama.

5.6 Kajian Semula Kos, Skop Kontrak dan Impak

Dalam pelaksanaan sesuatu perbelanjaan mengurus atau pembangunan, Jabatan hendaklah memastikan setiap wang yang dilaburkan boleh memberi manfaat dan impak kepada rakyat kebanyakan. Keutamaan hendaklah diberikan kepada program / projek kritikal yang memberi kesan langsung kepada rakyat, tahap keutamaan projek / program serta impak kumpulan sasaran yang lebih besar. Oleh itu, perbelanjaan pembangunan terutamanya hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan lebih teliti dan terperinci mengambil kira semua keperluan dan faktor lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah dan pelan pembaharuan di atas.

ANGGARAN HASIL TAHUN 2023

6. Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan cadangan Anggaran Hasil Tahun 2023 mengikut **jumlah anggaran yang patut dan boleh dikutip** dengan mengambilkira perkara berikut :

- 6.1 meneliti dan membuat perbandingan rekod prestasi kutipan hasil tiga (3) tahun sebelum tahun semasa (2019, 2020, 2021);
- 6.2 menilai keberkesanan strategi dan pelan tindakan kutipan tunggakan hasil Akaun Belum Terima (ABT) dan langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil;
- 6.3 perubahan dasar, peraturan, jadual kadar hasil serta polisi pentadbiran Kerajaan semasa; dan

6.4 jangkaan peningkatan hasil kesan pelaksanaan Strategi dan Pelan Tindakan Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2022 yang lalu.

7. Setiap butiran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan yang terperinci melalui asas yang tepat mengenai kadar, tunggakan, patut kutip dan faktor luaran yang akan menentukan jumlah kutipan setiap jenis hasil.

8. Sekiranya cadangan Anggaran Hasil Tahun 2023 mempunyai perbezaan yang ketara dari segi pertambahan atau kurangan dengan anggaran hasil tahun 2021 dan 2022, maka Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan justifikasi dan penilaian punca berlakunya perbezaan pertambahan atau kurangan tersebut.

ANGGARAN BELANJAWAN MENGURUS TAHUN 2023

9. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perkara berikut diberi perhatian dalam proses penyediaan cadangan Anggaran Belanjawan Mengurus Tahun 2023:

- 9.1 peruntukan dan perbelanjaan berasaskan data perjawatan, fungsi dan *core business* Jabatan yang telah disemak semula;
- 9.2 mengambil kira keperluan sebenar, keutamaan dan kemampuan untuk berbelanja bagi mengelakkan peruntukan tidak mencukupi atau pembaziran;
- 9.3 keutamaan kepada Program / Aktiviti / Projek yang memberi impak dan sumbangan signifikan kepada kumpulan sasar;
- 9.4 keperluan terhadap emolumen dimasuk kira secukupnya termasuk lantikan dan pembayaran di bawah Objek Sebagai (OS) 29000;
- 9.5 keperluan terhadap perbelanjaan komited seperti sewaan, kontrak perkhidmatan / bekalan, utiliti dan bekalan minyak mentah; dan
- 9.6 keutamaan kepada penyelenggaraan aset Kerajaan Negeri meliputi bangunan, kenderaan, peralatan dan kelengkapan.

10. Dalam menyediakan cadangan Anggaran Belanjawan Mengurus Tahun 2023, keperluan di bawah Dasar Sedia Ada, *One-Off* dan Dasar Baharu perlu disediakan berdasarkan kepada siling batas belanjawan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan (PKwNS). Cadangan anggaran perbelanjaan Dasar Sedia Ada, *One-Off* dan Dasar Baharu yang dikemukakan mestilah disertakan justifikasi lengkap termasuk keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) atau keputusan Kerajaan dan keperluan

kewangan yang berbangkit tersebut perlu diambil kira dalam had siling batas belanjawan yang telah ditetapkan. Justeru, Jabatan hendaklah menyusun semula keutamaan Program / Aktiviti / Program sedia ada bagi mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan.

ANGGARAN BELANJAWAN PEMBANGUNAN TAHUN 2023

11. Tahun 2023 adalah tahun ketiga bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Penyediaan Anggaran Belanjawan Pembangunan Tahun 2023 hendaklah terus memberi keutamaan kepada projek sambungan bagi memastikan peruntukan RMKe-12 projek berkenaan dapat dibelanjakan seperti yang telah diperuntukkan. Manakala bagi projek baharu pula, keutamaan perlu diberi terhadap projek-projek yang dapat memberi impak dan nilai tambah serta memenuhi keperluan sebenar kumpulan sasar.

12. Jabatan juga perlu memberi tumpuan kepada pengukuhan ekonomi dan peningkatan kesejahteraan rakyat, keseimbangan pendapatan dan kos sara hidup, pembangunan Negeri Sembilan timur, perpaduan dan keharmonian kaum dan agama, pemerksaan golongan belia dan wanita, penumpuan kepada golongan miskin dan miskin tegar serta keselamatan dan kedaulatan negeri.

13. Jabatan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) hendaklah bersama-sama memuktamadkan senarai projek pembangunan yang akan dikemukakan tertakluk kepada setiap projek telah mendapat kelulusan atau berada dalam maklumat Exco di bawah portfolio masing-masing mengikut keutamaan dan impak pelaksanaan yang telah digariskan.

14. Jabatan juga digalakkan menentu dan membangunkan dasar serta sumber ekonomi yang dijangka akan menjadi tulang belakang dan pemangkin kemajuan Negeri yang lebih mampan. Perkara ini boleh juga direalisasikan melalui permohonan projek fizikal baharu berasaskan kemajuan teknologi dan inovasi yang boleh dibawa masuk melalui pemindahan teknologi bersama pelabur berpotensi.

15. Jabatan melalui UPEN dikehendaki mengambil langkah proaktif dalam mengenal pasti projek-projek baharu. Namun bagi projek baharu yang mempunyai impak lebih besar dan melangkaui keupayaan kewangan dan sumber negeri, permohonan tersebut perlu disemak, disahkan dan diselaraskan oleh UPEN sebelum diangkat cadangan projek berkenaan ke agensi pusat / Kementerian berkenaan untuk pertimbangan dan kelulusan.

16. Bermula dengan Anggaran Belanjawan Pembangunan Tahun 2023 ini, UPEN telah membangunkan sebuah sistem pemantauan projek yang berupaya membantu mempercepatkan proses permohonan program dan memudahkan dapatan input pelaporan bagi tujuan pemantauan. Usaha ini adalah selaras dengan hasrat kemajuan dan pemindahan teknologi serta inovasi yang telah dinyatakan.

PEMBENTANGAN CADANGAN ANGGARAN BELANJAWAN 2023

17. Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2023 Jabatan masing-masing menggunakan format seperti berikut:

a. Cadangan Anggaran Hasil Tahun 2023

- | | |
|----------------------|--|
| Format AH 1 (iSPEKS) | - Ringkasan Anggaran Hasil Mengikut Objek Sebagai; dan |
| Format AH 2 (iSPEKS) | - Ringkasan Anggaran Hasil Mengikut Objek Lanjut. |

b. Cadangan Anggaran Belanjawan Mengurus Tahun 2023

- | | |
|--------------------|--|
| Format ABM 1 (MBS) | - Anggaran Perbelanjaan Ringkasan Eksekutif; |
| Format ABM 2 (MBS) | - Format Perjanjian Program; |
| Format ABM 3 (MBS) | - Ringkasan Kedudukan Perjawatan; |
| Format ABM 3A | - Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Senarai Perjawatan |
| Format ABM 3B | - Format kedudukan gaji beserta KGT |
| Format ABM 4 (MBS) | - Ringkasan Cadangan Dasar Baru dan 'One-Off'; |
| Format ABM 5 (MBS) | - Format Bagi Cadangan Dasar Baru/'One-Off'; |
| Format ABM 6 (MBS) | - Format Bagi Cadangan Penjimatan; |
| Format ABM 7 | - Perbelanjaan Mengikut Objek Sebagai (Terperinci) |

- | | |
|----------------------------|--|
| Format ABM 8 | - Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2023 Justifikasi Jawatan Baru; |
| Format BM 5 (iSPEKS) | - Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2023 Ringkasan Perbelanjaan Mengikut Objek Sebagai; dan |
| Format Perjawatan (iSPEKS) | - Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2023 Justifikasi Jawatan Baru |

c. Cadangan Anggaran Belanjawan Pembangunan Tahun 2023:

- | | |
|---------------------|---|
| Format AP 1 (SPEKS) | - Perbelanjaan Pembangunan Jabatan Tahun 2023 Bagi Projek-Projek Pembangunan Sedia Ada; dan |
| Format AP 2 (SPEKS) | - Justifikasi Anggaran Pembangunan. |

18. Cadangan Anggaran Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2023 merangkumi Anggaran Hasil, Anggaran Belanjawan Mengurus dan Anggaran Belanjawan Pembangunan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan (PKwNS) sebanyak 1 salinan dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* yang ditandatangani oleh Pegawai Pengawal **sebelum atau pada 29 April 2022 (Jumaat) jam 4.00 petang** melalui emel Bajet NS bajetn9@ns.gov.my.

19. Sesi pemeriksaan belanjawan dijangka akan dimulakan pada **bulan Mei 2022** mengikut aturan dan giliran yang akan ditentukan kemudian melalui surat panggilan daripada PKwNS dengan pematuhan kepada *Standard Operating Procedures* (SOP) selaras dengan arahan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

PENUTUP

20. Pegawai Pengawal diminta memberi kerjasama dalam memastikan penyediaan cadangan anggaran belanjawan tahun 2023 dikemukakan mematuhi format dan dalam tempoh yang ditetapkan.

21. Sekiranya terdapat sebarang kesulitan dan pertanyaan lanjut dalam penyediaan Anggaran Belanjawan Tahun 2023, pihak Jabatan boleh mendapatkan penjelasan lanjut daripada pegawai-pegawai berikut:

- i. Puan Nadia El-Yani binti Ja'afar 06-765 9964
Ketua Penolong Pegawai Kewangan
(Belanjawan Mengurus dan Hasil)
nadia@ns.gov.my
- ii. En. Muhammad Shaiful Muhamad Diah 06-760 2233
Ketua Penolong Pegawai Kewangan
(Belanjawan Pembangunan)
shaiful@ns.gov.my
- iii. Encik Syahal Bin Zakaria 06-763 6254
Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Hasil)
syahal@ns.gov.my

Sekian, terima kasih.



(DATO' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID)

Pegawai Kewangan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

31 Mac 2022

- s.k. YB Setiausaha Kerajaan Negeri - Untuk makluman YB Dato' Dr.
Negeri Sembilan Darul Khusus
- YBrs. Timbalan Setiausaha - Mohon kerjasama puan untuk menilai dan
Kerajaan Negeri (Pengurusan) memperakukan cadangan perjawatan
Negeri Sembilan Darul Khusus /pengisian jawatan kosong sedia ada
Jabatan Negeri.
- Pengarah - Mohon kerjasama tuan untuk menilai dan
Unit Perancang Ekonomi Negeri memperakukan cadangan projek
Negeri Sembilan Darul Khusus pembangunan Jabatan Negeri.
- Pengarah
Jabatan Audit Negara
Negeri Sembilan Darul Khusus